

Malaysia dukung 17 dasar SDG

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Malaysia komited dan bersedia mendukung 17 dasar yang tersenarai dalam sasaran pembangunan mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) demi kebaikan bersama negara ASEAN menjelang 2030.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, Malaysia sebagai pengerusi ASEAN melihat kesemua dasar berkenaan sebagai agenda kemanusiaan yang harus dititikberatkan dalam menghadapi cabaran global.

"Kita harus menggunakan kesempatan ini untuk sama-sama berkongsi matlamat kita perlu menghadapi pelbagai cabaran global dan setiap satu daripada elemen yang disenaraikan mempunyai sasaran khusus dalam tempoh 15 tahun dari sekarang.

"Selain itu, saya juga melihat sasaran yang dibuat oleh PBB ini bersifat komprehensif, transformatif dan inklusif yang secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan antara PBB dengan ASEAN," katanya dalam ucap terna program syarahan umum bertajuk *Sustainable Development Goals: Key Considerations For A People-Centered ASEAN*, di sini hari ini.

Syarahan dalam acara anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) itu disampaikan oleh Pegawai Tadbir Program Pembangunan PBB (UNDP), Helen Clark yang menerangkan lebih lanjut mengenai elemen yang diputuskan dalam Perhimpunan Agung PBB, September lalu.

Tujuh belas elemen yang disenaraikan adalah tiada kemiskinan, sifar kebuluran, kesihatan

dan kesejahteraan, pendidikan berkualiti, hak sama rata gender, air bersih dan sanitasi, tenaga yang mampu dimiliki dan bersih, pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi.

Selain itu, PBB turut menyenaraikan industri, dan infrastruktur, mengurangkan ketidaksamaan, komuniti dan masyarakat yang mampan, penggunaan dan pengeluaran, alam sekitar, hidupan air, hidupan darat, keamanan, keadilan dan institusi serta perkongsian matlamat.

Tambah Reezal Merican, melalui perkongsian matlamat itu, ASEAN diharap dapat terus mengharungi cabaran dalam jangka masa 15 tahun akan datang termasuk cabaran sedia ada seperti bencana alam, masalah penyakit global, penganguran dan keganasan.